

ralat & rawatBersama
DR. AHMAD ISMAIL

DALAM mempromosikan semangat kesukarelawan dalam kalangan masyarakat, pada 5 Disember setiap tahun Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) mengisyiharkan sebagai Hari Sukarelawan Antarabangsa (IVD).

IVD yang diraikan sejak 1985 bertujuan menghargai jasa dan sumbangan sukarelawan dan meningkatkan lagi kesedaran orang awam tentang semangat tersebut. Sejauh mana rakyat Malaysia menyertai sambutan IVD ini perlu dilihat secara lebih dekat. Malaysia menggalakkan aktiviti kesukarelawan dan terdapat banyak persatuan atau kelab sukarelawan yang berdaftar pada peringkat institusi, kebangsaan dan antarabangsa.

Di Malaysia, kita nampak sumbangan kumpulan sukarelawan ini semasa negara menimpakan bencana misalnya bencana banjir yang menimpakan negara di beberapa kawasan di seluruh negara. Begitu juga program sukarelawan membantu geladangan di Kuala Lumpur yang telah banyak mendapat liputan media. Ada juga pasukan sukarela membersihkan pantai

Semarakkan semangat kesukarelawanan

tempat tumpuan pelancong.

Sukarelawan bukan sahaja membantu orang yang berada dalam kesusahan tetapi banyak perkara lain yang dapat dilihat seperti kerjasama, bersatu padu, bertolak ansur, prihatin, mewujudkan masyarakat penyayang dan sebagainya, di samping menjimatkan perbelanjaan kerajaan melalui aktiviti bersepadu. Namun ada juga aktiviti kesukarelawan seperti menjaga alam sekitar dan mempromosikan kesedaran dan amalan menjaga alam sekitar dan alam semula jadi negara.

Khidmat sukarela memang sudah dimulakan sejak di bangku sekolah lagi dan sentiasa diaktifkan. Menerusi aktiviti sukarelawan di sekolah, pelajar akan lebih prihatin dengan apa yang berlaku sebenarnya dalam masyarakat dan menggalakkan mereka berfikir dan mengamalkan perkara yang baik dalam komuniti. Dalam proses mengetahui, memahami, menghayati dan mengamalkan

sesuatu perkara itu akan berlaku aktiviti kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam kalangan sukarelawan sekolah. Di universiti juga boleh meneruskan aktiviti sukarelawan pada peringkat yang lebih tinggi. Misalnya, aktiviti bakti siswa oleh pelajar universiti yang selalu dijalankan bersama masyarakat.

Pendidikan alam sekitar menerusi sukarelawan misalnya bertujuan menggalakkan pelajar melakukan kebaikan dan meningkatkan kualiti hidup manusia lain selain daripada pelajar.

Pelajar boleh memilih satu aktiviti yang mudah dan bersama dengan komuniti tempatan seperti menjalankan aktiviti memberikan pengetahuan, kesedaran dan amalan berkaitan alam sekitar. Aktiviti sukarelawan ini selalunya tidak dilakukan secara paksaan, boleh memberikan kefahaman yang lebih kepada pelajar, mengembangkan minat dan bakat yang lebih melebihi peluang yang terbatas dalam kurikulum. Aktiviti sukarelawan selalunya dikaitkan dengan aktiviti yang tidak dibayar iaitu seseorang meluangkan masa mereka secara bebas untuk membantu organisasi atau individu yang bukan saudara mereka.

Aktiviti sukarelawan dapat membentuk nilai murni dalam diri seperti peramah, rajin, prihatin dalam melakukan khidmat pelanggan. Sukarelawan suka membantu untuk membuatkan perubahan dalam komuniti berkaitan, menggalakkan kebaikan dan meningkatkan kualiti hidup dari segi persekitaran dan kesejahteraan masyarakat atau individu.

Pembelajaran melalui aktiviti sukarelawan lebih berkesan



kerana pelajar mudah memahami sesuatu subjek itu tanpa paksaan. Dalam kurikulum, walaupun pelajar diberikan kredit dan markah masih tidak mencapai tahap tinggi dalam pengetahuan dan penghayatan ilmu yang diberikan. Menerusi aktiviti sukarelawan dapat mengambil peluang menterjemahkan apa yang dipelajari dalam kurikulum kepada amalan peringkat komuniti.

Kajian yang dilaporkan dalam *Jurnal Personalia Pelajar 2015* menunjukkan aktiviti sukarelawan meningkatkan keperihatinan pelajar terhadap penjagaan alam sekitar adalah tinggi dan pelajar sanggup menjalankan aktiviti sukarela tanpa meminta apa-apa ganjaran. Bagi yang pernah mengikuti aktiviti sukarela, mereka memahami peranan sukarelawan dan dapat memupuk minat walaupun tidak diberikan ganjaran markah atau upah.

Namun begitu aktiviti sukarelawan tentang alam sekitar perlu diberikan pendedahan yang lebih luas kepada pelajar. Memandangkan perubahan alam

sekitar yang sangat mendadak dengan isu-isu yang mencabar maka usaha promosi sukarelawan alam sekitar perlu dipergiat lagi. Aktiviti sukarelawan pelajar universiti kalau dilaksanakan betul-betul mampu mengubah masyarakat.

Agensi seperti Rakan Alam Sekitar (RAS) yang dipromosikan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS), Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) perlu lebih agresif menstrukturkan organisasi dan aktiviti mereka.

Aktiviti-aktiviti RAS termasuklah antaranya melaporkan atau membuat aduan tentang kes-kes pencemaran dan kerosakan alam semula jadi kepada pihak bertanggungjawab seperti aktiviti longgokkan sampah yang sepatutnya dibawa ke tapak pelupusan sampah di tempat yang tidak dibenarkan, kejadian pembalakan haram, aktiviti mencuri pasir sungai, pemburuan haram dan lain-lain.

INFO

Pendidikan di Malaysia

- Jumlah pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) iaitu **hampir 1.3 juta**

- **Jumlah pelajar IPTA (42 peratus) - Lebih 540,000 orang**

- **Jumlah pelajar IPTS (46 peratus) - 580,000 orang**

- **Pelajar politeknik - 96,000 orang**

- **Institut pendidikan guru (IPG) - 35,000 orang**

- **Pelajar kolej komuniti - 18,000 orang**



PELAJAR UPM menjadi sukarelawan membimbang murid SK Pulau Mabul membuat baju kompos di Pulau Mabul, Semporna, Sabah. - GAMBAR HIASAN



PERTUBUHAN
bukan kerajaan (NGO) boleh menyumbang kepada usaha pemuliharaan alam sekitar dengan menganjurkan program bersama komuniti.

Sukarelawan mesti faham isu alam sekitar

SUKARELAWAN alam sekitar juga mesti mempunyai semangat yang tinggi dan keberanian serta prihatin dengan suasana tempatan. Mereka juga mestilah memahami isu-isu alam sekitar yang boleh memberikan kesan kepada masyarakat setempat dan kepelbagaiannya biologi serta kerugian harta negara. Bagi tujuan pelaporan, mungkin persatuan atau kelab sukarelawan perlu lebih mantap dari segi organisasinya dan mempunyai sistem yang lebih baik menggunakan teknologi maklumat dan perhubungan semasa.

Banyak aktiviti berkaitan alam sekitar dapat dilakukan di universiti dan sekolah.

Antaranya ialah penjimatan tenaga dan air, program kitar semula, pengurusan penggunaan plastik, menanam pokok-pokok sekitar kampus atau menjalankan kempen seperti ceramah, pidato, penulisan esei, penyediaan bahan promosi berkaitan alam sekitar, mendapatkan sokongan pihak pentadbiran institusi, tayangan filem atau kutipan dana untuk aktiviti alam sekitar dalam kampus.

Bayangkan kalau dua peratus daripada pelajar universiti sebagai sukarelawan dan setiap sepuluh orang menjalani satu aktiviti yang dicadangkan, kita akan nampak satu masyarakat kampus yang sangat aktif dengan aktiviti sukarelawan dalam kampus. Sekiranya ini berlaku satu impak yang besar dapat dilihat dalam isu-isu alam sekitar dan akan menjadi ikutan masyarakat luar kampus.

Mungkin setiap 5 Disember semua universiti boleh mengadakan satu majlis penghargaan kepada pegawai dan pelajar yang aktif dan memberi impak dalam aktiviti sukarelawan.

Dengan hasrat Malaysia menjadikan pendidikan sebagai hab dunia pada tahun 2020

dan menganggarkan 200,000 pelajar antarabangsa bilangan pelajar peringkat universiti akan bertambah. Kini Malaysia mempunyai lebih 120,000 pelajar antarabangsa dan lebih 30,000 adalah pelajar ijazah lanjutan.

Kedatangan pelajar antarabangsa dijangka menyumbang sebanyak RM15.6 bilion setahun pada 2020.

Sumbangan ini memerlukan Malaysia bersedia untuk menjaga status berkaitan alam sekitar yang bertaraf dunia dari segi penjimatan tenaga dan air, kualiti alam sekitar, pengurusan sisa pepejal dan kepelbagaiannya biologi negara.

Hari Sukarelawan Antarabangsa (IVD) tahun ini menjadikan sukarelawan sebagai orang pertama mengambil tindakan dalam sesuatu isu.

Misalnya bagi setiap kerja tersebut, sukarelawan akan mulakan dahulu aktiviti yang dicadangkan dan mempromosikan kepada masyarakat kampus.

Bagi langkah penjimatan dan pembaziran letrik dan air misalnya kita boleh adakan pasukan sukarelawan peronda air dan elektrik dalam kampus dengan menutup semua suis dan paip air yang tidak digunakan atau memperbaiki paip bocor dalam kampus.

Aktiviti kitar semula misalnya, kebanyakan kampus sudah mengamalkannya tetapi kurang berkesan. Maka mungkin melalui program sukarelawan ini boleh menjayakannya hasrat universiti tentang kitar semula.

Begini juga dengan isu-isu lain termasuk kepelbagaiannya biologi kerana Malaysia adalah negara mega biodiversiti 17 teratas di dunia.

Negara Malaysia juga menjadi negara ke 22 di dunia yang sanggup mengorbankan wang, tenaga dan masa dalam aktiviti kesukarelawan dan lebih dua juta sukarelawan yang datang ke Asia.